



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

**KUARTERS PEKERJA BERPUSAT ALTERNATIF PENYEDIAAN
PENGINAPAN KEPADA PEKERJA ASING SECARA SISTEMATIK**

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan terus memastikan kebajikan para pekerja perburuhan negara terjaga di samping memperkasakan kerancangan sektor ini melalui pelbagai inisiatif dan juga penguatkuasaan akta-akta berkaitan. Perkara ini jelas dilaksanakan dengan usaha oleh Jabatan dan Agensi seperti Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) yang sedang giat menguatkuasakan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Pindaan) 2019 [Akta 446] di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Perumahan, penginapan dan kemudahan pekerja adalah elemen asas dalam mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan keadaan yang kondusif, selamat serta selesa serta membawa kepada peningkatan produktiviti para pekerja tidak kira dalam apa jua bidang perburuhan yang diceburi.
3. Selain majikan menyediakan perumahan sama ada berbentuk rumah teres, pangsapuri, kontena mahupun kabin, majikan juga boleh memilih untuk menempatkan para pekerja mereka di Penginapan Berpusat Pekerja (CLQ- *Centralised Labour Quarters*) yang kini sedang rancak diwujudkan.
4. Langkah ini adalah penting dalam memastikan negara bebas daripada sebarang tuduhan Buruh Paksa seperti yang kita hadapi kebelakangan ini. Malah, pemilihan untuk menempatkan para pekerja asing dalam CLQ dilihat lebih sistematik dan mudah bagi majikan memantau keadaan serta kesihatan juga pergerakan para pekerja mereka.

5. Penempatan pekerja asing di CLQ juga sebenarnya membantu para majikan mengurangkan kos berkaitan kebajikan dan kesejahteraan para pekerja mereka. Ini kerana CLQ kini dilengkapi pelbagai kemudahan yang jauh lebih efisien dan baik berbanding majikan menyediakan rumah sendiri. Bahkan, ia juga dapat menjimatkan masa sama ada pihak pekerja mahupun majikan.
6. Sehubungan itu, KSM menyeru kerjasama dan tindakan pantas para pemain industri khususnya majikan agar dapat menempatkan para pekerja mereka dalam CLQ sedia ada. Manakala bagi pihak penyedia penginapan berpusat pula perlu bertindak segera dalam menyediakan CLQ yang lebih kondusif dalam semua aspek yang dinyatakan dalam Akta 446.
7. Pihak KSM akan sentiasa memantau perkembangan CLQ dan akan mengambil sebarang tindakan selaras dengan keperluan industri perburuhan dari semasa ke semasa.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
3 MAC 2023**